

APAKAH YANG DILAKUKAN OLEH PEKERJA SOSIAL DADAH?

Risalsah Latif¹, Habibie Ibrahim², Nurul Hudani Md Nawi³

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah

Corresponding author: hibrahim@ums.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini merupakan satu kertas konsep yang berkongsi pengalaman penulis sebagai Ahli Lembaga Hakim Pelawat di Sekolah Henry Gurney Keningau dan Penjara Kota Kinabalu serta pengalaman mengajar kursus PS31803 Kerja Sosial di Institusi Pemulihan dan Pengawalan. Kursus PS31803 merupakan kursus pengkhususan yang ditawarkan kepada pelajar tahun akhir Program Kerja Sosial di Universiti Malaysia Sabah. Penghuni di Sekolah Henry Gurney Keningau terdiri daripada kanak-kanak di bawah usia 18 tahun yang terlibat dalam pelbagai kesalahan sosial seperti mencuri, merompak, lari dari rumah, rogol serta penglibatan dalam kes dadah. Kanak-kanak ini diletakkan di bawah pengawasan pegawai akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dilantik. Kanak-kanak warganegara yang didapati bersalah dan tidak selamat untuk terus tinggal bersama keluarga akan diperintahkan oleh Mahkamah Kanak-Kanak untuk ditempatkan di Sekolah Henry Gurney, manakala kanak-kanak bukan warganegara pula akan ditempatkan di Penjara Muda, Penjara Kota Kinabalu. Sepanjang tempoh penahanan, kanak-kanak ini akan menjalani proses pemulihan dadah di samping hukuman yang dikenakan. Kertas kerja ini membincangkan pengambilan dadah sebagai tingkah laku devian, sikap sosial terhadap dadah, makna dan proses penagihan serta peranan pekerja sosial dadah atau pekerja sosial di institusi pemulihan dan pengawalan.

Kata kunci: Penyelewengan sosial; Penagihan dadah; Kerja sosial di institusi pemulihan

PENGENALAN

Kertas kerja ini merupakan satu kertas konsep yang berpaksikan kepada pengalaman penulis sebagai Ahli Lembaga Hakim Pelawat di Sekolah Henry Gurney Keningau dan Penjara Kota Kinabalu dari tahun 2019 hingga 2023.

Selain itu, pengalaman mengajar kursus PS31803 Kerja Sosial di Institusi Pemulihan dan Pengawalan turut menjadi asas kepada penulisan ini. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar tahun akhir Program Kerja Sosial di Universiti Malaysia Sabah sebagai salah satu kursus pengkhususan kerja sosial.

Ilmu teori dan praktis berkaitan kerja sosial di institusi pemulihan dan pengawalan amat berguna dalam pelaksanaan tugas sebagai Ahli Lembaga Hakim Pelawat di Sekolah Henry Gurney dan penjara. Di Malaysia, program pemulihan remaja dikawal oleh Akta Kanak-Kanak 2001 yang mentakrifkan remaja sebagai individu

berumur antara 10 hingga 18 tahun. Pesalah remaja ditempatkan di institusi seperti Sekolah Henry Gurney dan menjalani program pemulihan yang terancang di bawah pengawasan Jabatan Penjara Malaysia.

Program pemulihan ini merangkumi pengajaran akademik, latihan vokasional, pendidikan agama, kaunseling psikologi dan aktiviti kokurikulum yang bertujuan menyokong pembangunan menyeluruh remaja serta mengurangkan risiko pengulangan kesalahan (Nur Sharina, Syaripah Ruzaini & Abd. Rasid, 2024). Antara kesalahan yang dilakukan termasuklah mencuri, merompak, lari dari rumah, rogol serta penglibatan dalam kes dadah.

Kanak-kanak warganegara yang didapati bersalah dan tidak selamat untuk tinggal bersama keluarga akan diperintahkan oleh Mahkamah Kanak-Kanak untuk ditempatkan di Sekolah Henry Gurney, rumah akhlak atau Sekolah Tunas Bakti mengikut kategori kesalahan. Kanak-kanak bukan warganegara pula akan ditempatkan di Penjara Muda, Penjara Kota Kinabalu. Sepanjang tempoh tersebut, mereka akan menjalani proses pemulihan dadah di samping hukuman yang dikenakan.

PENGAMBILAN DADAH SEBAGAI PENYELEWENGAN

Penyalahgunaan dadah merupakan isu sosial yang semakin serius dalam masyarakat kontemporari dan sering dikaitkan dengan tingkah laku penyelewengan sosial. Ia merujuk kepada corak penggunaan bahan berbahaya seperti alkohol, rokok, ganja serta bahan terlarang lain bagi tujuan mengubah mood, emosi atau keadaan mental individu. Dalam banyak keadaan, penggunaan bahan ini tidak lagi berfungsi sebagai rawatan perubatan, sebaliknya digunakan sebagai mekanisme penanggulangan terhadap tekanan hidup, konflik emosi dan cabaran sosial.

Golongan muda khususnya dikenal pasti sebagai kumpulan yang paling terdedah kepada fenomena penyalahgunaan dadah. Tekanan hidup, pengaruh rakan sebaya yang negatif serta keinginan untuk diterima dalam kumpulan sosial sering mendorong golongan ini terlibat dalam tingkah laku berisiko. Tekanan rakan sebaya yang berterusan boleh menimbulkan perasaan rendah diri, kekeliruan identiti serta kebergantungan kepada penerimaan sosial, yang akhirnya membuka ruang kepada penyalahgunaan dadah sebagai satu bentuk penyesuaian sosial (Aliya, 2021). Dalam konteks ini, pengambilan dadah bukan sekadar satu pilihan individu, tetapi berkait rapat dengan struktur sosial dan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan tingkah laku golongan muda.

Dadah merangkumi pelbagai jenis bahan, bermula daripada ubat-ubatan yang sah digunakan seperti aspirin dan antasid, sehinggalah kepada alkohol, bahan halusinogenik, perangsang seperti nikotin dan kokain, serta narkotik psikoaktif seperti heroin yang memberi kesan langsung kepada sistem saraf pusat. Kesan bahan-bahan ini bukan sahaja mempengaruhi fungsi fisiologi tubuh, malah turut mengubah mood, persepsi dan tingkah laku individu (Nur Fatinni et al., 2024). Coomber et al. (2013) mengklasifikasikan dadah kepada empat kategori utama iaitu *stimulants*, *depressants*, *hallucinogens* dan *deliriant*s, yang masing-masing mempunyai kesan psikologi dan sosial yang berbeza terhadap pengguna.

Walaupun apa pun alasan individu mengambil dadah, sama ada untuk mengurangkan tekanan, mendapatkan keseronokan atau memenuhi keperluan sosial, masyarakat perlu memahami makna tingkah laku ini dalam konteks sosial yang lebih luas. Kefahaman terhadap faktor penyebab dan situasi penggunaan dadah

amat penting bagi membangunkan pendekatan pencegahan dan intervensi yang lebih berkesan, berasaskan realiti kehidupan individu dan bukannya semata-mata pendekatan hukuman.

MAKNA DAN PROSES KETAGIHAN

Ketagihan merujuk kepada keadaan kebergantungan fizikal dan psikologi terhadap bahan tertentu yang menyebabkan gangguan ketara apabila penggunaan bahan tersebut dihentikan atau dikurangkan (Milby, 1981). Kebergantungan ini bukan sahaja melibatkan perubahan fisiologi dalam tubuh badan, tetapi turut merangkumi perubahan emosi, kognitif dan tingkah laku individu. Dalam konteks penyalahgunaan dadah, ketagihan sering berkembang secara berperingkat dan dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor biologi, psikologi dan sosial.

Proses ketagihan lazimnya bermula dengan peringkat percubaan, iaitu fasa awal di mana individu mencuba penggunaan dadah, kebiasaannya didorong oleh rasa ingin tahu, tekanan rakan sebaya atau keinginan untuk mendapatkan penerimaan sosial. Pada peringkat ini, penggunaan dadah mungkin berlaku secara tidak kerap dan belum lagi menunjukkan tanda kebergantungan yang jelas. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah individu, pengalaman awal ini boleh membuka laluan kepada penggunaan yang lebih kerap.

Peringkat seterusnya ialah peningkatan penggunaan, di mana corak penggunaan menjadi semakin kerap dan berterusan. Pada tahap ini, individu mula mengalami peningkatan toleransi terhadap dadah, iaitu keperluan untuk mengambil dos yang lebih tinggi bagi mencapai kesan yang sama. Kebergantungan fizikal dan psikologi mula terbentuk, dan penggunaan dadah menjadi sebahagian daripada rutin harian individu.

Selepas itu, individu memasuki peringkat pengekalan, di mana penggunaan dadah menjadi lebih stabil tetapi berterusan. Pada peringkat ini, individu sering berusaha mengekalkan fungsi harian seperti bekerja atau belajar walaupun bergantung kepada dadah. Walaupun kesan negatif ketagihan semakin ketara, individu cenderung menafikan tahap kebergantungan mereka dan terus menggunakan dadah bagi mengelakkan simptom penarikan atau ketidakselesaan psikologi.

Peringkat disfungsi pula merujuk kepada fasa di mana kesan ketagihan mula menjejaskan pelbagai aspek

kehidupan individu secara signifikan. Masalah kesihatan fizikal dan mental, konflik keluarga, kegagalan sosial serta penglibatan dalam tingkah laku berisiko atau jenayah sering berlaku pada tahap ini. Dalam banyak kes, individu mungkin dimasukkan ke institusi pemulihan atau penjara buat pertama kali akibat kesan langsung daripada penyalahgunaan dadah.

Peringkat pemulihan melibatkan usaha individu untuk keluar daripada kitaran ketagihan melalui rawatan formal atau sokongan tidak formal. Proses ini memerlukan perubahan besar dalam gaya hidup, sistem sokongan sosial dan cara individu menanggapi diri mereka sendiri. Pemulihan bukanlah satu proses linear, sebaliknya melibatkan cabaran berterusan termasuk risiko relaps yang memerlukan sokongan profesional dan komuniti yang konsisten.

Akhir sekali, pembentukan identiti sebagai bekas penagih berlaku apabila individu yang berjaya melalui proses pemulihan membina identiti sosial yang baharu. Identiti ini membantu individu menjarakkan diri daripada peranan sebagai penagih dan mengukuhkan komitmen terhadap gaya hidup bebas dadah. Dalam konteks ini, sokongan pekerja sosial dan sistem pemulihan memainkan peranan penting dalam membantu individu mengekalkan perubahan positif dan mengintegrasikan semula diri mereka ke dalam masyarakat.

APA YANG DILAKUKAN OLEH PEKERJA SOSIAL PENYALAHGUNAAN BAHAN

Pekerja sosial penyalahgunaan bahan memainkan peranan yang amat penting dalam membantu individu yang berhadapan dengan masalah penyalahgunaan dadah dan alkohol melalui pendekatan yang holistik dan berterusan. Peranan ini merangkumi pelaksanaan pendekatan berpasukan, penilaian menyeluruh terhadap latar belakang klien, penyediaan pelan penjagaan yang sistematik, kaunseling, terapi serta intervensi yang berfokuskan kepada pemulihan jangka panjang (Habibie Ibrahim et al., 2024). Pendekatan ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek ketagihan bahan semata-mata, malah turut mengambil kira faktor psikologi, sosial, keluarga, ekonomi dan persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan klien.

Dalam konteks institusi pemulihan dan pengawalan, pekerja sosial bekerjasama rapat dengan pasukan

pelbagai disiplin yang terdiri daripada ahli psikologi, psikiatri, pegawai perubatan, jururawat, kaunselor serta pegawai institusi. Kerjasama ini bertujuan memastikan setiap aspek keperluan klien ditangani secara menyeluruh dan bersepadu. Pekerja sosial berperanan sebagai penghubung utama antara klien dan pasukan rawatan dengan menyediakan maklumat terkini berkaitan keadaan klien, kemajuan rawatan serta cabaran yang dihadapi sepanjang proses pemulihan.

Selain itu, pekerja sosial melaksanakan penilaian sosial dan psikologi yang komprehensif bagi mengenal pasti faktor risiko dan faktor perlindungan yang mempengaruhi penyalahgunaan bahan. Penilaian ini meliputi sejarah keluarga, hubungan sosial, tahap pendidikan, status pekerjaan, latar belakang sosioekonomi, sejarah kesihatan mental serta pengalaman trauma atau pengabaian. Berdasarkan penilaian ini, pekerja sosial akan merangka pelan rawatan dan pemulihan yang bersesuaian dengan keperluan individu klien, termasuk penetapan matlamat jangka pendek dan jangka panjang.

Pekerja sosial juga memainkan peranan utama dalam menjalankan sesi kaunseling individu dan kumpulan bagi membantu klien memahami punca ketagihan, mengenal pasti pencetus penggunaan bahan serta membangunkan kemahiran daya tindak yang lebih adaptif. Melalui kaunseling dan intervensi terapeutik, klien dibantu untuk meningkatkan kesedaran sendiri, membina motivasi untuk berubah serta mengukuhkan komitmen terhadap proses pemulihan. Di samping itu, pekerja sosial turut menentukan bentuk intervensi yang sesuai, termasuk rujukan kepada program rawatan lanjutan, sokongan komuniti dan penglibatan keluarga, bagi memastikan kesinambungan pemulihan selepas klien menamatkan tempoh rawatan di institusi.

KESIMPULAN

Penglibatan pekerja sosial dalam rawatan penyalahgunaan bahan merupakan komponen yang amat penting dalam usaha menangani masalah ketagihan dadah secara menyeluruh dan berkesan. Pekerja sosial memiliki pengetahuan teori, kemahiran praktis serta kepekaan terhadap faktor psikososial yang membolehkan mereka menyokong proses pemulihan klien secara holistik. Pendekatan yang dilaksanakan tidak hanya tertumpu kepada pengurangan atau penghentian penggunaan bahan, tetapi turut

merangkumi aspek kesejahteraan emosi, hubungan keluarga, integrasi sosial dan pembangunan fungsi kehidupan klien secara berterusan.

Peranan pekerja sosial sebagai penghubung antara klien, keluarga dan sistem sokongan formal serta tidak formal memberi kesan langsung terhadap keberkesanan intervensi dan kualiti rawatan yang diterima oleh individu yang mengalami ketagihan bahan. Melalui koordinasi dengan pasukan pelbagai disiplin, advokasi terhadap keperluan klien serta penyediaan sokongan berterusan, pekerja sosial membantu memastikan intervensi yang dilaksanakan adalah selaras dengan keperluan sebenar klien dan konteks kehidupan mereka.

RUJUKAN

Akta Langkah Pencegahan Khas 1985. Akta 316 & Peraturan 1987.

Akta Pelucuthakan Harta 1988. Akta 340 & Peraturan 1989.

Aliya, J. (2021). *Substance abuse as a social issue: A social psychology perspective*.
<https://www.researchgate.net/publication/353479934>

Children's Act 2001. Malaysia.

Coomber, R., McElrath, K., Mesham, F., & Moore, K. (2013). *Key concepts in drugs and society*. London: SAGE Publications.

Habibie Ibrahim, Norruzeyati Che Mohd Nasir, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2024). *Penyalahgunaan bahan dan intervensi kerja sosial*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Milby, J. B. (1981). *Addictive behaviour and its treatment*. New York: Springer Publishing Company.

Nakhimova, Y. N. (2017). Social attitudes to drugs abuse among youth and drug abuse prevention. *The Education and Science Journal*, 19(6), 138–160.

Nur Fatinni Mohamad Kamala, Amin Al Haadi Shafieb, Khatijah Othman, Ahmad Najaa Mokhtar, & Suzaily Wahab. (2024). Drug and substance abuse among youth: Factors, effects and prevention methods. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(7), 981–998.
https://hrmars.com/papers_submitted/21939/drug-

Selain itu, pekerja sosial turut memainkan peranan penting dalam mengurangkan stigma sosial terhadap penagih dadah dengan mempromosikan pendekatan berasaskan pemulihan, empati dan keadilan sosial. Usaha ini bukan sahaja menyokong perubahan tingkah laku individu, malah menyumbang kepada pembentukan persekitaran sosial yang lebih menyokong dan inklusif bagi proses pemulihan jangka panjang. Secara keseluruhannya, peranan pekerja sosial dalam bidang penyalahgunaan bahan bukan sekadar intervensi di peringkat individu, tetapi turut melibatkan usaha transformasi sosial yang berterusan bagi meningkatkan keberkesanan sistem rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia.

[and-substance-abuse-among-youth-factors-effects-and-prevention-methods.pdf](#)

Nur Sharina Cik Ibrahim, Syaripah Ruzaini Syed Aris, & Abd. Rasid Abd Rahman. (2024). A systematic literature review on the Putra Model: Analysing juvenile rehabilitation at Henry Gurney School. *Journal of Media and Information Warfare*, 17(2), 93–99.